

ISU-ISU HALAL DALAM PRODUK BERASASKAN DAGING

Afiqah Salahudin & Mohd Anuar Ramli

Abstrak

Daging merupakan salah satu makanan yang memberi sumber protein utama kepada manusia. Namun, dengan perkembangan teknologi makanan yang kian pesat didalam penghasilan produk berasaskan daging yang diproses dan tidak diproses telah menimbulkan isu-isu berkaitan halal dan haram. Pemalsuan dan penipuan produk daging menimbulkan kekusaran kepada para pengguna terutamanya pengguna Muslim. Isu-isu lain seperti daging tiruan, daging binatang buas, daging binatang haram, daging yang disalah label, daging yang dicemari mineral berisiko, daging yang mengandungi bakteria dan virus yang berisiko serta racun yang memudaratkan. Oleh itu, penggunaan teknologi autentikasi halal sedikit sebanyak membantu menangani isu yang berbangkit serta membantu para ulama dalam memberi hukum dengan lebih tepat berkaitan isu berkenaan. Kajian ini membincangkan tentang isu-isu halal dalam produk berasaskan daging berserta teknologi autentikasi halal yang telah digunakan dalam membuat pengesahan halal. Selain itu, pandangan dari Islam juga dikemukakan dalam menyelesaikan berkaitan isu berkenaan. Bagi mencapai objektif, pengkaji telah membuat sorotan literatur yang berkaitan isu halal dalam produk berasaskan daging serta teknologi autentikasi yang telah digunakan dalam menyelesaikan isu berkenaan. Pandangan ulama juga diteliti bagi menentukan halal haram dalam sesuatu produk. Sehubungan itu, satu garis panduan Islam yang berkaitan dengan daging dapat dihasilkan dan digunakan oleh pengguna Muslim dalam proses memilih daging halal serta pengusaha produk daging dalam menghasilkan daging halal.

Kata kunci: *Daging, teknologi autentikasi, halal, haram, makanan.*

PENDAHULUAN

Dengan kepesatan sains dan teknologi, teknologi makanan berkembang dengan pesat dengan penghasilan kepelbagaian variasi rasa, bahan serta kaedah dalam pengeluaran bahan makanan masa kini sehingga kita sukar untuk mengenalpasti status kehalalan dengan menggunakan deria kita semata-mata. Namun, beberapa siri penipuan telah memberi dampak yang negatif serta mencemari perkembangan positif penggunaan teknologi makanan didalam penghasilan makanan terutama melibatkan produk daging. Sebagai contoh, kes pemalsuan daging bukan sekadar memberi kesan kepada sosio-ekonomi tetapi juga memberi kesan yang besar kepada kesihatan fizikal, mental dan pembangunan spiritual serta kesan negatif dalam industri halal. Isu pemalsuan daging kambing dengan daging tikus di China, daging bawaan zoonotik seperti selsema burung (H5N1) dan penyakit lembu telah menambah kekusaran kepada para pengguna terutamanya pengguna muslim dalam memilih makanan. Selain itu, penggunaan bahan kimia yang berbahaya seperti formalin didalam daging serta penggunaan hormon yang berbahaya boleh memberi implikasi jangka panjang kepada kesihatan, kehilangan ingatan, karsinogenesis dan penyakit lain yang boleh mengugat keselamatan pengguna dalam mengkosumi produk daging. Justeru itu, teknologi autentikasi halal perlu dibangunkan dalam menangani masalah yang berbangkit dalam membantu para ulama dalam menentukan hukum halal haram sesuatu produk dengan lebih tepat serta satu garis panduan syariah juga diperlukan dalam penentuan hukum yang berkaitan dengan daging.

ISU-ISU HALAL DALAM PRODUK BERASASKAN DAGING

Daging boleh didefinisikan sebagai jaringan otot daripada haiwan yang telah disembelih dan telah mengalami perubahan post mortem atau dikenali sebagai sekumpulan otot dari karakas haiwan (Sulistyo et al., 2014). Daging menurut Islam, dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu daging dari haiwan yang hidup di darat dan daging dari haiwan yang hidup di air. Haiwan-haiwan air tidak memerlukan satu proses khusus untuk memperoleh daging sebagaimana haiwan darat yang memerlukan satu proses penyembelihan yang menepati syarak serta dipilih dari haiwan yang halal dimakan (Faszly, Wan Nasrudin, & Abdullah, 2015)(Qureshi et al., 2012). Daging merupakan sumber protein utama kepada manusia yang mengandungi zat gizi yang tinggi, memiliki pH dan aktivitas air yang membawa kepada pertumbuhan mikroorganisma sehingga menyebabkan daging mudah rosak serta mudah berpotensi menjadi makanan berbahaya kerana menjadi media pembawa mikroorganisma patogen. Untuk memastikan daging tahan lama, pelbagai kaedah cuba dibangunkan serta peningkatan penghasilan daging yang diproses seperti sosej dan daging burger dengan menggunakan teknologi makanan yang berkembang dengan pesat. Namun, kaedah-kaedah yang digunakan dalam memastikan ketahanan daging telah memberi keraguan kepada status halal haram daging serta memberi kesan buruk kepada pengguna disebabkan timbulnya beberapa siri penipuan di

kalangan peniaga dan pengeluar dalam mengaut keuntungan. Antara isu-isu yang timbul berkaitan dengan produk daging adalah:

1. Daging bangkai

Bangkai atau haiwan yang telah mati sebelum disembelih, tidak boleh dimakan kerana statusnya tidak halal. Misalnya, ayam mungkin mati lemas akibat dilonggokkan di dalam air (Harian Metro, 2010) dan "ayam dinding" telah ditarik sijil Halal berikutan, sesetengah ayam disembelih dua kali selepas penyembelihan pertama tidak sempurna dan ada ayam sudah mati sebelum disembelih (Harian Metro, 2007).

2. Daging disuntik air

Misalnya, daging ayam disuntik air ke dalam daging atau memasukkan melalui mulut karkas ayam, daging kambing disuntik dengan air kolam tercemar di China pada Disember tahun lalu untuk menambah berat ketika ditimbang (Norhana Fariza, 2014) dan Food Magazine melaporkan beberapa syarikat di United Kingdom menjual daging yang mengandungi kira-kira 10%-20% air yang ditambah (CAP, 2006).

3. Daging palsu

Di China, terdapat satu cara untuk menukarkan daging khinzir agar menjadi daging lembu. Daging khinzir ini akan direndam di dalam sejenis bahan kimia untuk menghilangkan ciri-ciri daging khinzir, kemudian direndam di dalam perisa lembu, dan akhirnya dijual sebagai daging lembu. Namun, kesan kimia perisa lembu akan memberi kesan masa panjang iaitu boleh mengakibatkan keracunan, kecacatan dan kanser.

4. Daging makmal

Pada 7 Ogos 2013, saintis dari London menghasilkan daging burger dalam makmal yang diberi nama Frankenburger, daging burger yang pertama di dunia dengan menggunakan proses kultur di makmal yang dihasilkan dengan menggunakan sel otot lembu hidup dan dikultur selama 3 bulan bakal menggantikan daging lembu biasa (Kosmo, 2014).

5. Daging Haiwan *al-jallah*

Misalnya, laporan Harian Metro pada 7 Januari 2006 telah mendedahkan isu "Patin Babi Rebus" bahawa terdapat beberapa pengusaha ikan air tawar terutamanya ikan patin di Perak menggunakan usus dan organ dalaman khinzir yang direbus sebagai makanan untuk ternakan ikan mereka. Menurut laporan tersebut, usus khinzir yang direbus seterusnya dicampur dengan jagung untuk membolehkan ikan membesar dengan cepat sebelum dijual di pasaran tempatan dan luar Negara.

Pada 18 Januari 2006, Berita Harian telah melaporkan mengenai ikan taalpia yang diberi sisa buangan berasaskan khinzir. Laporan tersebut adalah berdasarkan operasi yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Perak di kolam ternakan ikan di Tronoh, Papan dan Batu gajah. Peternak mendakwa, tindakan memberi makan ikan ternakan dengan sisa buangan khinzir dikatakan dapat mempercepatkan tumbesaran ikan dan dapat dipasarkan dalam tempoh tiga bulan berbanding setahun jika tidak diberi makanan berkenaan. Pada bulan Mei 2009, timbul isu ikan keli diberi makan najis khinzir dan kotoran lain (Kosmo, 2009). Pada 2010, Berita Harian bertarikh 11 April 2010 melaporkan bahawa terdapat dakwaan pengusaha ikan keli di Taman Agrotek Bestari Jaya, Kuala Selangor yang menyatakan pengusaha ikan keli bukan Melayu memberi makan perut, bahan buangan, bangkai dan organ dalaman khinzir.

Isu di luar Negara, pada 2003, kerajaan Arab Saudi telah menyekat pengimportan kambing/biri-biri hidup dari Australia kerana didakwa diberi makan najis. Begitu juga kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah menghalang kemasukan kambing dan biri dari Negara tersebut pada tahun 2006 kerana didakwa haiwan tersebut makan najis dalam perjalanan ke Negara UAE melalui kapal.

Di Pakistan, Mahkamah Agung Pakistan juga telah menyekat pengimportan makanan ayam yang mengandungi unsur babi (Zaidah, Jafri, & Suhaimi, 2011).

6. Daging binatang buas.

Pasukan Tindakan Pantas Hidupan Liar (SWAT) Sarawak Forestry Corporation (SFC) menggempur aktiviti menjual hidupan liar terlindung secara haram di sekitar Sibu dan Serian dan SFC merampas 40 kilogram (kg) daging hidupan liar terlindung, serta empat bungkusan dipercayai mengandungi hempedu beruang, daging babi hutan segar dan jeruk serta anak labi-labi hidup.

Pada tahun 2006, di Bandar kahang terdapat restoran yang menghidangkan pelbagai spesies haiwan terancam dan dilindungi. Antara menu yang istimewanya, daging harimau goreng serbuk kari

atau yang dimasak dengan herba menawarkan sup daging ular sawa serta beberapa jenis masakan lain daripada haiwan itu yang diminati pengunjung. Restoran di Kahang turut menyediakan hidangan kambing gunung, tupai, pelanduk, kelawar, landak, tenggiling, kura-kura dan musang (Berita Harian, 2006). Pihak Majlis Daerah Kapit (MDK) menerima banyak rungutan dan aduan daripada orang ramai, terutamanya masyarakat Islam mengenai penjualan daging binatang liar seperti daging babi hutan, rusa, kijang dan ular sawa secara terbuka di sekitar kawasan Market Teresang. (Berita Sarawak, 2011). Pasar Teresang di Kapit dikesan menjadi lokasi penjualan daging beruang matahari yang merupakan haiwan dilindungi di negara ini. Kira-kira lima peniaga menjalankan perniagaan menjual daging tersebut secara terbuka kepada para penggemar hidangan haiwan eksotik (Kosmo, 2013).

7. Daging bercampur

Di dalam berita Kosmo melaporkan sebuah kilang di Kepala Batas, Pulau Pinang yang mengeluarkan makanan berasaskan bebola ikan sejak lima tahun lalu, dikesan mencampurkan daging dan perut babi bersama isi ikan dan tepung untuk membuat bebola ikan. Malah, kumpulan wartawan yang menyertai serbuan ke kilang itu bersama 20 pegawai penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKSPP) turut terkejut apabila melihat sebuah periuk besar berisi minyak masak yang dipercayai digunakan berulang kali untuk menghasilkan produk makanan di situ.

Pengusaha kilang ini juga bertindak dengan menyimpan perut dan daging babi bersama bahan mentah lain termasuk ikan di dalam satu peti penyejuk (Zakariya, 2008).

Sekitar Mei 2013, Kementerian Keselamatan Awam China merampas daging tikus untuk dijual sebagai daging kambing di Shanghai bersebelahan wilayah Jiangsu bernilai AS\$1.6 juta (RM5.3 juta). Daging tikus, musang dan cerpelai yang dijual sebagai daging kambing dipercayai telah dimasukkan gelatin, pigmen merah dan nitrat (Norhana Fariza, 2014).

Kementerian keamanan masyarakat China (MPS) melaporkan terdapat 904 orang telah ditangkap dalam masa 3 bulan kerana disyaki terlibat dengan menjual produk daging lembu dan daging kambing tiruan yang diambil daripada daging tikus dan rubah (Beijing, 2013).

8. Daging direndam aniline

Akhbar The Star melaporkan pada 24 September 2013 kewujudan ayam kampung palsu yang dicelup pewarna supaya kelihatan kuning supaya kelihatan ayam kampung sebenar. Pewarna yang digunakan adalah aniline yang digunakan untuk barangan kayu dan kulit (Sheila, 2013).

Perbuatan mencelup ayam dalam cairan pewarna bagi tujuan menipu pengguna kononnya itu ayam kampung adalah salah di sisi undang-undang menurut Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam walaupun setakat ini pewarna yang dikesan tidak menjejaskan kesihatan dan diguna oleh industri makanan lain. Tetapi ini tidak bermakna mereka boleh guna pewarna itu untuk menipu pengguna. Setakat ini sampel positif menggunakan cairan kuning, dipercayai aniline ke atas daging ayam ternak, agar ayam itu menyerupai ayam kampung ialah sampel yang diambil di sekitar Selangor dan Pulau Pinang. Terdapat juga keputusan analisis menunjukkan ada sampel yang diambil pihaknya mengandungi pewarna Tartrazine dan Sunset Yellow FCF (Ghoib, 2013).

9. Daging mempunyai residu dadah.

Isu penyalahgunaan residu dadah veterinary masih berterusan dikalangan peternak-peternak walaupun peraturan-peraturan Makanan 1985 telah mengharamkan penggunaan Beta-agonist, Nitrofurans dan Chloramphenicol dalam makanan. Hasil kajian/laporan daripada pensampelan ayam, telur ayam bagi analisis nitrofurans, pensampelan daging khinzir, lembu, kambing dan itik bagi analisis beta-agonist pensampelan ayam dan ikan bagi analisis chloramphenicol oleh bahagian keselamatan dan kualiti makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 28 Mac 2013 dari 2004-2012 menunjukkan berdasarkan analisis makmal, sebilangan sampel makanan didapati melanggar peruntukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

CAP juga menjalankan kajian mengenai Beta Agonist berbahaya dalam daging pada Mei-Jun 2006. Ujian yang dijalankan oleh CAP mendapati terdapat Salbutamol, sejenis penambah pembesaran yang digunakan pada daging lembu, kambing dan babi. Sampel ini diperolehi daripada sekitar Pulau Pinang. Kementerian kesihatan tidak mampu mengawal penggunaan beta-agonist di dalam daging walaupun mengetahui masalah tersebut. CAP menyeru supaya dihentikan dahulu pembelian makanan daripada daging sehingga Kementerian Kesihatan mengesahkan daging di pasaran bebas daripada beta-agonist.

10. Daging mengandungi zoonotik

Pada bulan September 2013, terdapat empat orang maut disebabkan keracunan makanan selepas menikmati juadah di majlis kenduri kahwin di Kampung Huma, Tanjung Dawai, Yan. 270 tetamu yang lain ditahan di beberapa buah hospital berdekatan kerana masalah yang sama setelah menikmati lauk

kenduri yang dihidangkan. Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah Dr. Ismail Abu Taat menjelaskan berdasarkan siasatan awal, pihaknya mendapati keracunan tersebut adalah disebabkan oleh virus salmonella yang terdapat dalam masakan ayam (Kosmo, 2013).

Sementara pada Rabu lalu, 36 murid Sekolah Kebangsaan Seri Tasek, Simpang Ampat, Pulau Pinang mengalami keracunan makanan selepas dipercayai mengambil makanan yang disediakan kantin sekolah terbabit. Ini diikuti semalam 25 pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah yang dipercayai mengalami keracunan makanan dan terpaksa menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Hospital Tapah (Sinar harian, 2013).

Pada 1 Mac 2014, Seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun meninggal dunia akibat keracunan makanan yang dipercayai berpunca daripada ayam goreng yang dibeli bapanya di sebuah pasar malam di Kuala Terengganu (Utusan Malaysia, 2014). Seramai 101 orang lagi mengalami keracunan makanan selepas menikmati juadah yang dibeli di pasar malam di Taman Shah Bandar dan Padang Hiliran di sini pada Sabtu lepas. Pengarah Kesihatan negeri Datuk Dr Anwa Sulaiman berkata mereka dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) setelah muntah dan cirit-birit selepas menikmati nasi goreng putih, nasi goreng merah, kuetiau goreng dan mee goreng (Sinar Harian, 2014). Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) mengesahkan kejadian berpunca daripada mee goreng, kue tiau goreng dan nasi goreng yang dibeli di pasar malam Padang Syah Bandar pada Jumaat dan pasar malam Padang Hiliran pada Sabtu lalu. Menurut Pengarah JKNT, Datuk Dr Anwa Sulaiman daripada 12 contoh najis pesakit yang diambil didapati sembilan adalah positif mengandungi bakteria salmonella (Harian, 2014).

11. Daging mempunyai DNA Babi

Pada tahun 2002, pihak Agensi Standard Makanan United Kingdom melaporkan bahawa 54% daripada 30 ekor ayam yang diuji mengandungi kolagen haiwan. Manakala 57% daripada sampel ujian kesian mempunyai kesan DNA Khinzir dan DNA lembu. (Food Safety Authority of Ireland, 2002).

Di dalam laporan Berita Harian pada 19 Oktober 2012, Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) mengesahkan tujuh produk sejuk beku dipercayai dibawa masuk dari Thailand serta dijual di pasaran tempatan khususnya di wilayah utara mengandungi DNA babi. Ia termasuk tauhu ikan, sosej ketam bersalut sotong, sepi ketam tiruan, bebola ikan berperisa, produk hasil laut dan jejari ikan jenama PFP keluaran Pacific Fish Processing Limited. Selain itu, kaki ketam tiruan jenama A-Roy Mark dikilangkan Smile Heart Food Company Limited (Smile Heart) turut disahkan mengandungi DNA babi (Fatimah, 2012). Pihak berkuasa Britain mengesan DNA babi dalam sosej ayam halal yang dihidangkan di sebuah sekolah rendah. Dalam ujian lain, produk daging kisar yang dibekalkan kepada Majlis Westminster di sini menunjukkan adanya DNA kambing dan babi (Harian, 2013).

TEKNOLOGI AUTENTIKASI HALAL

Para saintis telah memperkenalkan pelbagai teknik autentikasi halal. Misalnya, Enzyme Linked Immunosorbant Assays (ELISA), Radio Immunoassays (RIA), HPLC, FTIR, Electronic Nose coupled with GC-MS and PCR assays telah diaplikasikan untuk menganalisis spesies daging, patogen dan kimia berbahaya samaada dalam makanan yang diproses dan tidak diproses. Sebagai contoh, penggunaan instrumen seperti spektroskopi infra merah Fourier Transform (FTIR) terhadap pengesanan kehadiran elemen khinzir (Yaakob & Mirghani, 2001) dalam barangan pengguna.

Namun teknik-teknik ini ada kelemahannya kerana tiada kaedah yang didapati memuaskan dalam platform pemultipleksan, keberkesanan kos, kebolehpercayaan dan ketahanan. Justeru teknik Multi-Array Biosensors and Biochips ini dibangunkan untuk mengatasi kelemahan tersebut.

Sehubungan itu, Islam tidak menolak teknologi selagimana teknologi yang digunapakai dapat memberi manfaat dan tidak mendatangkan mudarat kepada manusia. Oleh itu, dalam penggunaan teknologi autentikasi halal, teknologi yang diperlukan dalam mengesan kehalalan sesuatu produk makanan hendaklah:

- i. Boleh Menentukan jenis spesies daging atau bahan yang digunakan.
- ii. Boleh mengesan kehadiran bahan berbahaya/ memudaratkan kepada manusia.
- iii. Boleh mengesan kehadiran mineral yang berbahaya.
- iv. Boleh mengesan bakteria yang berbahaya kepada manusia.

GARIS PANDUAN ISLAM BERKAITAN DAGING

Islam sebagai sebuah syariat yang komprehensif telah menggariskan panduan halal haram berkaitan produk berasaskan daging yang diproses dan tidak diproses. Didalam Al-Quran dan al-Sunnah telah menggariskan beberapa kriteria khusus dalam isu daging. Di antara panduan tersebut adalah:

1. Bukan daging haiwan najis mughallazah iaitu babi dan anjing serta keturunan mereka.

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَحُلْمَ الْخَنزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لَعَنَ اللَّهُ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. (Surah Al-Baqarah(2):173)

2. Bukan daging haiwan yang mempunyai taring atau gading yang digunakan untuk membunuh mangsa.

Daripada Ibn Abbas ra, Rasulullah SAW melarang memakan binatang buas yang bertaring dan burung yang mempunyai kuku yang mencakar. (Hadith Riwayat Muslim:4994)

3. Bukan daging haiwan perosak atau/dan berbisa.

Dari Aisyah RA, ia berkata, Rasulullah Bersabda: "Ada lima jenis binatang yang boleh dibunuh, baik di Tanah suci mahupun di luar Tanah suci, iaitu: ular, gagak yang pada punggungnya atau perutnya ada warna putih, tikus, anjing gila dan helang".

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim, Ahmad, at-Tarmidzi dan Ibnu Majah)

4. Bukan daging haiwan yang ditegah memakannya berdasarkan hukum Syarak.

Diterima dari Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. didatangi oleh seseorang, lalu katanya: "keldai-keldai telah dimakan orang!" kemudian datang lagi kepadanya seseorang, seraya berkata: "keldai-keldai telah dimakan orang!" setelah itu datang lagi seseorang, lalu katanya: "keldai-keldai telah dihabiskan orang!"kemudian disuruhnya tukang seru untuk menyeru orang ramai. "Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya melarang kamu (memakan) daging keldai-keldai jinak, kerana ia najis! "Makan periuk-periuk itu dibalikkan, padahal ia masih penuh dengan daging".

5. Bukan daging haiwan yang bangkai, daging al-mutaraddiyah (haiwan yang jatuh dari tempat yang tinggi sehingga maut), daging al-mauquzah (haiwan yang mati kerana dipukul dengan tongkat atau seumpamanya), daging ma akala al-sab'u (haiwan yang mati dan menjadi bangkai disebabkan oleh binatang buas yang memakannya), daging al-natihah (haiwan yang menjadi bangkai disebabkan pergaduhan sesama sendiri), dan daging al-munkhaniqah (haiwan mati disebabkan dicekik sama ada dihimpit leher binatang tersebut, meletakkan kepala binatang di tempat yang sempit sehingga ia mati.

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَحُلْمُ الْخَنزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لَعَنَ اللَّهُ بِهِ وَالْمُنْحَنِفَةَ وَالْمَوْفُودَةَ وَالْمُتَرَدِّيَةَ وَاللَّطِيحَةَ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصَبِ وَأَنْ تَسْتَفْسِمُوا بِالْأَنْزِلِ ذَلِكَمْ فَسَقُ الْيَوْمَ يَسَّرَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ وَأَحْشَوْنِ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِيناً فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir) dan daging babi (termasuk semuanya) dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi dan yang mati ditanduk dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya) dan yang disembelih atas nama berhala dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Surah Al-Maidah (5): 3.

6. Bukan daging haiwan dua alam iaitu hidup di darat dan air seperti katak, buaya, penyu, anjing laut dan seumpamanya.

Sesungguhnya seorang tabib bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang katak yang dibuat ubat, lalu baginda melarang membunuhnya". Riwayat Abu daud dan An-Nasa'i.

7. Bukan daging yang berunsurkan penipuan

Rasulullah saw bersabda di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Abu al-Hamra'ra.:

من غشنا فليس منا

Maksudnya: sesiapa menipu kita, bukan dari kalangan kita.

8. Bukan daging yang beracun, tidak memabukkan dan tidak membawa kemudahan

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik. Surah Al-Baqarah (2):195

9. Bukan daging haiwan yang dianggap menjijikkan dan kotor seperti lalat, ulat dan seumpamanya

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَأَتَقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعَ الْحِسَابِ

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah (makanan) yang diharamkan bagi mereka? Bagi menjawabnya katakanlah: Diharamkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepada kamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu) dan bertakwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah); Sesungguhnya Allah Maha Cepat hitungan hisabNya.

10. Bukan daging haiwan halal yang dipelihara dan diberi makan najis dengan sengaja dan berterusan.

نهی رسول الله صلى الله عليه وسلم، عن لحوم الحمر الأهلية، وعن الجلالة: عن ركوبها وأكل لحومها

Rasulullah SAW melarang makan daging himar ternakan dan juga dilarang memakan haiwan al-jallalah sama ada menunggang dan memakan dagingnya. Riwayat At-tarmidhi (Hadis no:1884)

11. Bukan haiwan yang tidak dibenarkan untuk dibunuh seperti semut, lebah, burung belatuk, burung hud-hud dan labah-labah.

Dari Ibnu Abbas ra bahwa Rasulullah SAW melarang membunuh empat jenis binatang: semut, lebah, burung hud-hud dan burung Shurad.

12. Bukan daging haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: 173. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Surah al-Baqarah (2): 173.

13. Bukan daging yang diambil daripada binatang halal yang masih hidup

عن عدي بن ثابت، قال: سمعت عبد الله بن يزيد، عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه نهى عن النهبة والمثل

Dan dari Adi bin Tsabit, katanya: "Saya dengar Abdullah bin Yazid r.a. yang didengarnya dari Rasulullah s.a.w bahawa baginda melarang merampas harta orang dan memotong bahagian anggota binatang yang hidup". Riwayat Bukhari

KESIMPULAN

Produk daging sama ada diproses atau tidak berhadapan dengan cabaran seperti isu pemalsuan terancang dan penipuan yang licik. Kebanjiran produk-produk ini menimbulkan kesan negatif terhadap para pengguna sama ada dari aspek spiritual, mental dan kesihatan fizikal. Dengan bantuan teknologi autentikasi halal yang berkesan, unsur-unsur negatif dan merbahaya ini dapat dikenalpasti dengan mudah dan keselamatan produk daging ini dapat dijamin. Dengan ini, ia dapat membantu para ulama dalam menentukan hukum bagi sesuatu isu halal haram berkaitan produk daging yang kian begitu kompleks dengan tepat.

RUJUKAN

- CAP. (2006). *Halal Haram Buku Penting Untuk Umat Islam*. Persatuan Pengguna Islam.
 Faszly, R., Wan Nasyrudin, W. A., & Abdullah, A. (2015). *Indahnya Pemakanan dan perubatan Islam*. Telaga Biru.
 Fatimah, S. (2012). 7 Produk sejuk beku import ada DNA babi. *Berita Harian*.

- Ghoib, A. (2013). Ayam kampung tiruan celup bahan kimia. Retrieved from <http://malaysianreview.com/27791/ayam-kampung-tiruan-celup-bahan-kimia-salah-kata-menteri/>
- Harian, B. (2013). DNA babi ditemui dalam sosej Halal.
- Harian, B. (2014). Ahmad Said dukacita keracunan makanan. *Berita Harian*.
- Harian Metro. (2008). Fw : Ayam Haram, pp. 10–12.
- Harian Metro. (2010). Ayam sembelih tidak putus urat. *Harian Metro*.
- Kosmo. (2009). Keli Zat Babi.
- Kosmo. (2014). Saintis hasilkan daging burger dalam makmal, pp. 2013–2014.
- Norhana Fariza Harun. (2014). Industri kotor China. *Sinar*, pp. 3–7. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/global/industri-kotor-china-1.247230>
- Qureshi, S. S., Jamal, M., Qureshi, M. S., Rauf, M., Syed, B. H., Zulfiqar, M., ... Sciences, V. (2012). a Review of Halal Food With Special Reference To Meat and Its Trade Potential. *Journal of Animal and Plant Sciences*, 22, 79–83.
- Sheila, S. P. (2013). Dangerous "yellow"Chicken 2013. *The Star Online*.
- Sinar harian. (2013). Amal "lihat, hidu, rasa" elak keracunan makanan.
- Sinar Harian. (2014). Pasar Malam: 101 orang lagi keracunan Makanan.
- Sulistyo, Prabowo; Fikri, A. (2014). Produk Asal Haiwan yang harus diwaspadai. In J. Russsly, Abd Rahman; Nurdeng, Deurase; Mohammad Aizat (Ed.), *Isu Halal Kontemporari* (pp. 150–166). Serdang: UPM.
- Utusan Malaysia. (2014). Kanak-kanak maut keracunan Makanan.
- Zaidah, M. N., Jafri, A., & Suhaimi, A. R. (2011). Makanan Haiwan dan Konsep Jallalah dalam Industri Ternakan Moden. In *Pengurusan Produk Halal di Malaysia* (pp. 1–25).
- Zakariya. (2008). Operasi rahsia selama lima tahun terbongkar. *Kosmo*.